

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**SOALAN NO. 497**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelantikan wakil Kerajaan Negeri Terengganu dalam Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam dibuat berdasarkan Seksyen 13(1) Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Bagi komposisi 'dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam' secara amalannya dilantik dari kalangan pegawai kanan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kewangan.

Justeru, tiada peruntukan khusus bagi pelantikan wakil Kerajaan Negeri dalam mana-mana Perlembagaan Universiti termasuk Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengambil maklum akan kepentingan dalam menjaga hubungan baik dengan pihak Kerajaan Negeri khususnya bagi pembangunan dan kemajuan kedua-dua Universiti tersebut. Sekian terima kasih.